

Company Name : Wasco Greenergy Berhad

Date : 11 December 2025

Source : Berita Harian

Saham Wasco Greenergy mula dagangan sulung pada harga 95 sen



KUALA LUMPUR: Saham Wasco Greenergy Berhad membuat penampilan sulung di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada harga 95 sen, susut lima peratus berbanding harga tawaran awam permulaan (IPO) RM1 sesaham.

Pada sesi pembukaan, saham tersebut naik kepada 97 sen pada jam 9:01 pagi dengan sebanyak 1.73 juta saham didagangkan.

Ketua Pegawai Operasi Wasco Greenergy, Lee Yee Chong berkata penyenaian ini menandakan pencapaian penting dalam memperkukuh kedudukan syarikat sebagai penyedia sistem tenaga boleh diperbaharui untuk pelanggan di Malaysia, Indonesia dan pasaran antarabangsa.

Beliau menjelaskan prestasi saham yang rendah pada hari pertama dipacu oleh sentimen pasaran dan aktiviti pengambilan untung, sambil menegaskan asas syarikat kekal kukuh dan prospek jangka panjang lebih penting berbanding turun naik harian.

"Ini adalah prestasi jangka pendek. Kami berada dalam perniagaan untuk jangka panjang dan yakin prestasi akan bertambah baik," katanya pada sidang media selepas penyenaian.

Yee Chong berkata Wasco Greenergy beroperasi dalam segmen biojisim yang semakin mendapat perhatian berikutan agenda dekarbonisasi, keperluan pelanggan industri mengurangkan pelepasan karbon serta dasar kerajaan menyokong tenaga boleh diperbaharui. Kekuatan syarikat terletak pada model penyampaian bersepadu merangkumi fabrikasi, reka bentuk dan kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC), selain rangkaian peralatan lengkap dari pemprosesan biojisim hingga penjanaan tenaga termasuk boiler dan turbin.

Syarikat mencatatkan buku pesanan berjumlah RM249 juta sehingga September, dengan 80 hingga 90 peratus disumbangkan oleh segmen tenaga boleh diperbaharui melalui projek EPCC dandang wap, perniagaan turbin stim dengan Shinko Turbine dan operasi selepas jualan. Indonesia menyumbang 70 peratus permintaan turbin, manakala Malaysia mendominasi permintaan dandang wap. Pasaran tenaga boleh diperbaharui dijangka diagih seimbang antara Malaysia dan Indonesia, manakala selebihnya datang dari Amerika Latin dan Afrika termasuk negara pengeluar sawit seperti Colombia dan Ghana.

Syarikat turut mempelbagaikan sumber pembelian bahan mentah dari China, Jepun dan Korea bagi mengurangkan risiko rangkaian bekalan. Beroperasi dari Shah Alam, Wasco Greenergy menyediakan penyelesaian EPCC bagi sistem tenaga wap termasuk dandang biojisim, dandang gas, Penjana Stim Pemulihan Haba, turbin stim Shinko dan peralatan pengilangan minyak sawit.

CIMB Investment Bank Berhad bertindak sebagai Penasihat Utama, Penyelaras Tunggal MITI dan Pengurus Utama Jaminan, manakala CIMB dan Maybank Investment Bank adalah Pengurus Buku Bersama serta Penaja Jamin Bersama. CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd turut bertindak sebagai Pengurus Buku Bersama.

